

21/09/2003

Surat mohon maaf BusinessWeek lagi biadab

Syed Akbar Ali

MEDIA Barat terus menunjukkan biadab dan kurang sopan mereka kepada Perdana Menteri kita yang telah dilantik mengikut proses pilihan raya demokrasi. Dr Mahathir Mohamed baru ini mendedahkan bagaimana majalah Amerika BusinessWeek telah menulis sepucuk surat yang biadab bertarikh 8 September yang mendesak Perdana Menteri menjawab beberapa soalan dalam tempoh 48 jam untuk membolehkan penulisnya menghabiskan tugas.

Bukan saja surat itu kurang sopan tetapi ditulis dengan menggunakan bahasa Inggeris yang mempunyai kesilapan bahasa. Mereka menyebut nama Perdana Menteri saja tanpa memberi sebarang penghormatan kepada status Perdana Menteri.

Setelah Perdana Menteri mendedahkan surat angkuh BusinessWeek itu, salah seorang pengarangnya, Robert J Dowling telah mengutuskan sebuah lagi surat bertarikh 12 September 2003 kepada Perdana Menteri yang kononnya meminta maaf atas surat awal itu. Tetapi apabila dibaca surat Dowling pula, walaupun ditulis dengan bahasa diplomatik dan lembut, sebenarnya adalah lebih biadab dan kurang sopan daripada surat mereka yang awal.

Di kalangan orang Barat, spesies yang berbahasa Inggeris itu mempunyai kebolehan luar biasa untuk menunjukkan biadab melalui bahasa yang lembut dan diplomatik. Kemungkinannya besar mereka mengambil masa dan tenaga untuk melatih diri menjadi makhluk yang sedemikian.

Dalam surat kedua itu pengarangnya berkata BusinessWeek telah mencuba beberapa kali untuk berjumpa dengan Perdana Menteri dan pernah menulis surat kepada pejabat beliau. Pengarangnya berkata: "Apabila diimbangi kembali jelas bahawa tanpa sebarang persuratan awal daripada kami, maka surat yang singkat itu (8/9/2003) mungkin membawa nada yang mendesak dan itu adalah salah" ("In hindsight it is clear that without the benefit of our previous correspondence, this abbreviated letter might have sounded demanding and that was wrong").

Maksud sebenar pengarang itu ialah BusinessWeek boleh dilihat sebagai tidak sopan hanya jika belum ada sebarang persuratan daripada mereka sebelum itu. Tetapi oleh kerana BusinessWeek pernah menulis surat lain kepada pejabat Perdana Menteri maka tidak salah bagi mereka menunjukkan biadab dan kurang sopan dan mendesak Perdana Menteri dengan tempoh 48 jam untuk menjawab soalan. Oleh kerana kita lebih beradab dan bersopan daripada mereka maka kita tidak biasa menunjukkan biadab yang sudah menjadi kelaziman bagi mereka. Tetapi dalam keadaan begini, mungkin parti politik lain seperti Pas patut melangkah ke depan untuk menggunakan bahasa celupar dan mencarut yang sesuai untuk menjawab ketidaksopanan media Barat itu.

Dalam surat mereka, BusinessWeek berkata kepada Perdana Menteri bahawa mereka adalah majalah yang berpengaruh yang dibaca lebih 60,000 pembaca di Asia. Memandangkan bahawa benua Asia mempunyai lebih tiga bilion bilangan penduduk ini bermaksud bahawa BusinessWeek dibaca hanya segelintir orang di Asia. Sebaliknya pemikiran dan ucapan Dr Mahathir dibaca dan disebarikan ke seluruh dunia dan juga dibawa secara langsung oleh televisyen satelit media Barat. Dr Mahathir telah lama diberi ruang khas dalam sebuah akhbar utama di Jepun yang dibaca oleh berpuluh juta orang di negara Jepun yang juga adalah kuasa ekonomi yang kedua besar di dunia.

Jelas bahawa kita tidak mendapat sebarang manfaat daripada majalah BusinessWeek. Sebelum ini walaupun pejabat Perdana Menteri pernah memberi mereka kerjasama yang baik, BusinessWeek memutarbelitkan fakta untuk memberi gambaran buruk mengenai negara kita yang tidak menepati hakikat yang sebenarnya. Sebaliknya, majalah itu memerlukan temu bual dengan Dr Mahathir untuk melariskan jualannya. Apabila mereka gagal berbuat demikian mereka menunjukkan perangai yang sebenarnya.

BusinessWeek sering kali membawa berita mengenai Malaysia. Ini kerana ramai orang di seluruh dunia ingin tahu perkembangan dalam negara kita. Bukan saja Malaysia memainkan peranan utama di pentas dunia seperti dalam Asean, negara Islam dan di Asia keseluruhannya tetapi Perdana Menteri sering kali dijemput berucap kepada pemimpin G-7, mesyuarat Club of Rome dan sebagainya yang mana Malaysia mewakili suara Asia dan Dunia Ketiga.

Selain itu ekonomi kita yang mempunyai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang melebihi RM 300 bilion (2002) menjadi jentera penggerak bagi rantau ini. Malaysia juga menduduki tangga ke-18 dalam senarai negara perdagangan yang utama di dunia. Maka tidak hairanlah media Barat ingin memuatkan berita daripada Malaysia untuk melariskan penjualan majalah mereka.

BusinessWeek mempunyai pejabatnya di Singapura untuk tujuan meliputi rantau ini. Tetapi kita sedia faham bahawa seperti media Barat yang lain, BusinessWeek tidak berani menulis apa pun yang boleh dianggap kritikal terhadap kerajaan Singapura. Walaupun terdapat juga berita yang kurang baik dari Singapura seperti pelaburan kerajaan Singapura di China yang telah mengalami kerugian besar dan juga berita ekonomi lain yang membabitkan kerajaan Singapura, jarang sekali mereka menunjukkan keberanian untuk mengkritik kerajaan Singapura ataupun memberi Perdana Menteri Singapura tempoh 48 jam untuk menjawab soalan.

Ini kerana kerajaan Singapura mengambil tindakan yang cepat sekiranya terdapat media Barat yang membuat laporan songsang atau bertindak kurang sopan terhadap negara itu. Sesuatu majalah atau akhbar itu boleh diharamkan daripada dijual di Singapura ataupun dihadkan edarannya hanya kepada pelanggan tetap ("subscriber"). Selain itu penulis dan pengarang boleh dilarang memasuki negara itu ataupun mereka dipecat daripada jawatan.

Kita pun sepatutnya mengambil tindakan yang sama dengan pantas untuk membawa kesan positif kepada media Barat. Majalah BusinessWeek patut diharamkan dengan serta merta sehingga penulis dan pengarangnya yang telah menunjukkan biadab kepada Perdana Menteri dipecat daripada tugas mereka sebagai wartawan dan majalah itu meminta maaf sekali lagi tetapi dengan jujur dan ikhlas. Selepas itu penyebaran dan penjualan majalah itu dalam negara kita mesti dihadkan untuk tempoh sekurang-kurangnya tiga tahun sebagai hukuman atas kesalahan mereka. Semua ini sudah termasuk dalam bidang kuasa kerajaan, 'cuma' kita selalu terlalu 'liberal' dan baik hati walaupun mereka adalah manusia yang zalim.

Kita tidak pernah melarang atau membantah sesiapa pun daripada menyuarakan pendapat mereka. Maka pada hari ini beribu majalah dan akhbar terbitan media daripada seluruh dunia boleh didapati dalam negara kita. Jika kita mengunjungi kedai buku, kita boleh menghabiskan masa sehari untuk hanya melihat kulit dan sedikit isi berbagai-bagai jenis majalah yang dijual tanpa sebarang sekatan. Tetapi apabila mereka sengaja menunjukkan biadab atau membuat laporan jahat yang boleh membawa kesan buruk kepada negara, kita mesti mengambil sesuatu tindakan untuk menjadi pengajaran yang baik bagi mereka. Kalau tidak mereka mungkin terus kekal sebagai orang biadab.